

Headline	AmBank bantu 100 keluarga miskin di seluruh negara		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	14 Sep 2014	Color	Full Color
Section	Semasa	Circulation	227,666
Page No	8	Readership	682,998
Language	Malay	ArticleSize	236 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,026
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,077



## AmBank bantu 100 keluarga miskin di seluruh negara

**KUALA TERENGGANU** – Sebanyak 100 keluarga miskin tegar di daerah ini menerima manfaat melalui Program Komuniti AmBank-MyKasih di sini semalam.

Pengerusi Kumpulan AmBank, Tan Sri Azman Hashim memberitahu, ini merupakan kali kedua program seumpama itu diadakan di Terengganu.

"Kumpulan AmBank telah memberi komitmen sebanyak RM52,000 kepada 50 keluarga baharu di Kuala Terengganu, malah melanjutkan setahun lagi untuk keluarga yang menerima bantuan sebelum ini."

LAMAN WEB: [www.globeplus.com.my](http://www.globeplus.com.my)

"Pada tahun lalu, kita juga telah menyumbangkan sebanyak RM52,000 kepada 50 keluarga melalui program komuniti ini," katanya selepas merasmikan Program Komuniti AmBank-MyKasih di sini semalam.

Hadir sama ialah Pemegang Amanah Yayasan MyKasih, Datuk Yaacob Md. Amin; Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan AmBank, Datuk Mohamed Azmi Mahmood dan Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Berhad, Datuk Ameer Ali Mydin.

Azman memberitahu, Kumpulan AmBank telah memperuntukkan sebanyak

RM1 juta setiap tahun untuk program itu.

Sehingga kini, bellau berkata, pihaknya telah menyokong komuniti di 15 lokasi termasuk Sentul dan Cheras di Kuala Lumpur, USJ di Selangor, Rifle Range serta Bayan Baru di Pulau Pinang.

"Melalui program ini, kita akan memastikan sumbangan sampai kepada penerima layak yang menikmati faedah secara mampu."

"Kita tidak memberi sumbangan dalam bentuk wang tunai tetapi berupa barang-barang keperluan yang dibeli melalui peruncit terpilih," ujarnya.



AZMAN (berdiri enam dari kiri) dan Ameer (berdiri empat dari kiri) bergambar bersama peserta pada Program Komuniti AmBank-MyKasih di pasar raya Mydin Kuala Terengganu, semalam.

BILAHNG: 011-2833216 PERAK: 013-4101311 PENANG: 015-8885241 KEDAH: 012-4481812 SARAWAK: 016-2823002 SABAH: 018-2885888 LAMA NOMBOR: 012-2833216